

Pemangku MB diduga dipilih dari dua tokoh

KUANTAN, Khamis — Seorang Ahli Exco Negeri dijangka akan dilantik memangku jawatan Menteri Besar Pahang apabila Haji Abdul Rahim Abu Bakar mengambil cuti dan keluar negeri dalam minggu ini.

Sumber yang mengetahui bagaimanapun tidak dapat memastikan samada Menteri Besar itu akan berlepas keluar negeri setelah meletakkan jawatannya.

Haji Abdul Rahim bertolak ke Mekah Selasa ini kerana menunaikan far-du haji. (Lihat muka 20).

Ahli Exco yang dijangka memangku jawatan tersebut ialah samada Datuk Haji Abdul Rashid Haji Abdul Rahman atau Encik Mohamad Zuki Haji Kamaludin.

- Bagaimanapun, sumber-sumber yang rapat dengan Jabatan Perdana Menteri di Kuala Lumpur berkata, jika pucuk pimpinan merasakan perlu seorang dari pusat dilantik menjadi Menteri Besar itu, dua nama dijangka dikemukakan.

Mereka ialah Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak.

Minta cuti

Datuk Najib hari ini bertolak ke Pahang untuk meninjau beberapa kemungkinan.

Sementara itu, Haji Rahim dipercayai meminta cuti dari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menunaikan haji ke Mekah dan jika boleh beliau dikecualikan dari pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu.

Haji Rahim yang dikatakan rapat dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dipercayai akan mengadakan perbincangan dari hati ke hati.

Datuk Musa kini berada di Paris dan beliau dijangka pulang esok.

Berita Harian difahamkan, Haji Rahim telah diberi jaminan yang jasa-jasa beliau tidak akan dilupai meskipun terpaksa berundur sebagai Menteri Besar.

Menurut pemerhati politik, Haji Rahim pasti akan diminta bertanding kerusi Parlimen dalam pilihanraya akan datang.